

UMS agih 1,500 pek bubur sempena program 'Bah, Sungkai kita Bubur Lambuk!'

UB 21.04.2022 P.08

KOTA KINABALU: Sebanyak 1,500 pek bubur lambuk diagihkan kepada pelajar dan kakitangan serta orang awam dalam program 'Bah, Sungkai kita Bubur Lambuk!' di kampus induk Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Program anjuran bersama Adabi Sabah Distribution Sdn. Bhd. itu merupakan salah satu usaha mengeratkan hubungan silaturahim antara warga UMS dan orang awam melalui amalan bersedekah sempena bulan Ramadan.

Agihan disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin di pintu utama UMS.

Program yang mendapat kerjasama Pusat Minda Lestari (PML), Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Fakulti Pengajian Islam (FIS) dan Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) UMS itu juga turut



AGIH: Taufiq mengagihkan pek bubur lambuk kepada warga UMS dan orang awam.

mengagihkan pek bubur lambuk ke pejabat-pejabat pentadbiran serta kolej-kol

man pelajar.

Turut serta dalam agihan tersebut, Timbalan Naib

Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Profesor Dr. Raman Noordin; Pen-



ALBUM: Taufiq bergambar kenangan bersama selepas selesai program agihan.

daftar UMS, Luqman Ridha; Pengarah PML, Dr. Suwaibah Zakaria serta Dekan

FIS, Profesor Dr. Mohd Dahlan Hj. A Malek. Hadir bersama, Pengurus

Adabi Sabah Distribution Sdn. Bhd., Muhamad Zahari Muhd Nasir.*